



## KENYATAAN MEDIA YAYASAN WAQAF MALAYSIA

### **YWM DAN EQ8 JALIN KERJASAMA TERBIT *WAQF EXCHANGE* *TRADED FUND* YANG PERTAMA DI DUNIA** AKAN DISENARAI DI BURSA MALAYSIA UNTUK MUDAHKAN PELABURAN

---

1. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah entiti wakaf peringkat kebangsaan yang berdedikasi dan proaktif dalam memperluaskan pelbagai produk wakaf yang inovatif, bagi mencapai matlamat penubuhannya. Bagi memperluaskan capaian masyarakat untuk berwakaf hingga peringkat antarabangsa, YWM telah menyatakan hasrat untuk menjalinkan kerjasama dengan Eq8 Capital Sdn. Bhd. (anak syarikat milik penuh Kenanga Investors Berhad) untuk menerbitkan ***Exchange Traded Fund* berciri wakaf (Waqf ETF) yang pertama di dunia.**
2. Waqf ETF ini merupakan produk pelaburan Dana Unit Amanah Islamik dengan elemen wakaf, di mana 50% daripada pendapatan yang dijana daripada pelaburan tersebut akan disumbangkan oleh pelabur sebagai wakaf dan baki 50% akan disalurkan kepada pelabur sebagai keuntungan pelaburan.
3. Menerusi kerjasama ini, YWM dinamakan sebagai institusi wakaf yang akan berperanan sebagai Pengurus Wakaf kepada dana Waqf ETF. Sebagai Pengurus Wakaf, setiap dana wakaf yang diterima oleh YWM akan diagihkan dalam pelbagai sektor seperti kesihatan, pendidikan, sekuriti makanan, tenaga hijau dan lain-lain, bagi membolehkan manfaatnya dinikmati lebih ramai masyarakat secara holistik.

4. Waqf ETF yang dijangkakan akan disenaraikan di Bursa Malaysia pada tahun ini secara langsung akan memudahkan bakal pelabur untuk membuat pelaburan dalam produk ini. Ianya berbeza dengan 2 produk yang telah dilancarkan oleh YWM sebelum ini, di mana bakal pelabur hanya boleh membuat pelaburan melalui pengedar-pengedar dana yang disahkan oleh Pengurus Dana Kenanga Investors Berhad sahaja.
5. Terdahulu, YWM telah menjalin kerjasama dengan Kenanga Investors Berhad dalam mewujudkan 2 produk pelaburan Dana Unit Amanah Islamik dengan elemen wakaf, di mana sebahagian daripada pendapatan yang dijana daripada pelaburan tersebut akan disumbangkan oleh pelabur sebagai wakaf, iaitu:
  - a. Kenanga Waqf Al Ihsan Fund yang dilancarkan pada tahun 2021; dan
  - b. Kenanga Sustainability Series: Emergency Musa'adah Fund pada tahun 2022.
6. Pewujudan produk seumpama ini adalah lanjutan daripada pelancaran *Waqf Featured Fund Framework* oleh Seruhanjaya Sekuriti pada bulan November 2022 dan Garis Panduan Produk dan Perkhidmatan Pasaran Modal Islam mengenai wakaf yang kini termasuk dana tersenarai seperti Amanah Pelaburan Hartanah dan dana ETF.

– TAMAT –

---

### **Yayasan Waqaf Malaysia**

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM dan berwakaf, sila layari [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

1. **Cik Haidatul Azia binti Husin**  
**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**019-3883395 | [azia@ywm.gov.my](mailto:azia@ywm.gov.my)**